

**JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR**

Tingkat 9, 10, 11 & 17, No. 1, Wisma Sunway,
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C,
Seksyen 9, 40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.



Tel : 03-51237333, 51237334, 51237335
Faks : 03-51237202 (Pegarah), 51237209
(Pengurusan), 03-51237299 (Perubatan),
51237389 (Pergigian), 51237399
(Kesihatan Awam), 03-55108977
(Farmasi), 55185195 (Keselamatan Dan
Kualiti Makanan)

Portal Rasmi : www.jknselangor.moh.gov.my

Ruj.Kami : (08)dIm.JKNS/109/27

Tarikh : 23 Mei 2019

Semua Timbalan Pegarah Kesihatan Negeri

Semua Pegarah Hospital

Semua Pegawai Kesihatan Daerah

Semua Pegawai Pergigian Daerah

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI SELANGOR BIL. 5/2019:
PENGURUSAN SURAT- MENYURAT JABATAN**


Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas .

2. Seperti mana pihak YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan sedia maklum, surat-menyurat dan e-mel merupakan antara medium komunikasi luaran jabatan yang digunakan secara meluas bagi menyampaikan arahan, maklumat dan punca kuasa sesuatu dasar/peraturan. Justeru, kaedah komunikasi ini perlu diuruskan secara cekap dan bijaksana supaya setiap arahan dan maklumat dapat disampaikan dengan berkesan kepada semua anggota dan juga orang awam serta menjamin nama baik jabatan dan Kementerian Kesihatan.

3. Berdasarkan beberapa insiden yang berlaku di Jabatan Kesihatan Negeri Selangor yang berpunca daripada pengurusan komunikasi yang tidak teratur, Pentadbiran ini mendapati perlunya Ketua PTj dan pegawai yang diberikan kuasa bagi menjalankan tugas-tugas Ketua PTj memberikan perhatian yang teliti berhubung perkara ini dengan mengambil langkah-langkah berikut :

- i. Menyemak dengan teliti dan mengeluarkan arahan tindakan ke atas semua surat dan e-mel yang dihantar kepada PTj masing-masing;

SIHAT SEPANJANG HAYAT, KUALITI SEPANJANG MASA



Certified to ISO 9001:2008 Cert. No. AR 3856

..2/-

- ii. Mengenalpasti kandungan surat atau e-mel yang mempunyai unsur-unsur sensitif yang berkemungkinan boleh menjejaskan nama baik jabatan atau menimbulkan isu dalam kalangan anggota serta orang awam. Sekiranya wujud unsur-unsur sedemikian, Ketua PTj hendaklah menggunakan kebijaksanaan dalam menetapkan kaedah hebahan yang sesuai menggunakan maklumat-maklumat yang perlu sahaja, tanpa memaparkan keseluruhan kandungan surat atau e-mel berkenaan;
- iii. Jika surat yang diterima perlu diedarkan untuk tindakan selanjutnya, sebarang ulasan/arahan yang dicatatkan dengan tulisan tangan pada surat berkenaan hendaklah tidak didedahkan bersama-sama salinan edaran;
- iv. Bagi surat-surat daripada PTj kepada Jabatan Kesihatan Negeri, Kementerian Kesihatan Malaysia atau mana-mana agensi yang berkaitan perkara-perkara yang berkemungkinan boleh menimbulkan isu awam, keselamatan dan keharmonian organisasi, surat berkenaan hendaklah diuruskan mengikut tatacara Maklumat Terperingkat dengan pengkelasan dokumen sekurang-kurangnya pada peringkat "Sulit"; dan
- v. Sekiranya terdapat pesakit yang memohon surat pengesahan berhubung masalah kesihatan atau penyakit yang dihidapi, termasuklah surat-surat pengesahan yang bertujuan untuk mendapatkan sumbangan pembiayaan kewangan, surat tersebut hendaklah dialamatkan terus kepada agensi yang berkaitan. Penggunaan "Kepada Sesiapa Yang Berkenaan" / "*To Whom It May Concern*)" hendaklah dielakkan bagi memastikan surat berkenaan tidak disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

4. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR KHALID BIN IBRAHIM) MPM:26237

Pengarah Kesihatan Negeri

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor